

Headline	Petua daripada guru pakar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	638 cm ²
Journalist	Diyannah Anuar	AdValue	RM 21,908
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,724



Oleh Diyanah Anuar
diyanah@bh.com.my

▸ **Kangar**

“Tidak semua murid atau calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dapat mengikuti Seminar Bimbingan UPSR anjuran Kelab TaHa dengan kerjasama BH kerana jumlah penyertaannya yang terhad,” kata Pengarah Tabung Haji (TH) Perlis, Mohamad Khairi Dasemin.

Sehubungan itu, katanya, peserta yang dipilih menyertai seminar itu sewajarnya merebut peluang yang disediakan sebaik mungkin bagi menambah ilmu dan menguasai teknik menjawab soalan UPSR yang bakal menjelang nanti.

Mohamad Khairi dalam ucapannya ketika merasmikan seminar itu menyifatkan murid yang terpilih untuk mengikuti seminar ini sebagai kumpulan murid yang bertuah.

Seramai 248 murid Tahun Enam dari sekolah di sekitar Perlis mengikuti Seminar Bim-

Petua daripada guru pakar

» Seminar Bimbingan UPSR anjuran Kelab TaHa, BH dedah teknik jawab tiga mata pelajaran

bingan UPSR 2014 anjuran Kelab TaHa, TH Perlis, yang diadakan di dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Lailatul Shahreen, di sini, baru-baru ini.

Seminar yang dianjurkan bersama-sama Unit Pendidikan BH itu memberi peluang kepada murid yang juga calon UPSR mendapatkan bimbingan daripada tenaga pengajar yang pakar dalam tiga mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Panduan, teknik terbaik

Dalam seminar satu hari itu, setiap murid didedahkan dengan panduan dan teknik terbaik untuk menjawab peperiksaan yang bakal mereka duduki pada September depan.

Selain menerima pelbagai petua daripada guru pakar, rata-rata murid yang menyertai seminar itu juga tidak melepaskan kesempatan untuk mengajukan soalan mengenai sesetengah topik yang kurang difahami dalam ketiga-tiga mata pelajaran berkenaan.

Mengenai bilangan keahlian Kelab TaHa Perlis, Mohamad Khairi berkata, hingga 30 April tahun ini, jumlah keseluruhan anggota kelab itu sudah mencapai 19,144 ahli.

“Secara kasarnya, jumlah ini meningkat kira-kira 10 peratus daripada jumlah keahlian tahun lalu.

“Peningkatan itu, antaranya didorong oleh kempen dan promosi berterusan yang TH jalankan sepanjang tahun, selain pendaftaran ahli baharu dalam kalangan murid Tahun

Satu setiap kali sesi persekolahan baharu bermula,” katanya.

Beliau berkata, pihak TH Perlis juga akan giat menggalakkan lebih ramai murid untuk membuka dan menyimpan dalam akaun TH untuk kegunaan masa depan mereka.

Beliau berkata, antara usaha yang dijalankan pihaknya bagi tujuan itu ialah mengadakan lawatan ke setiap sekolah di sekitar negeri ini dan membuka kaunter sementara untuk memudahkan murid memasukkan wang simpanan mereka ke dalam akaun masing-masing yang sudah didaftarkan.

“Membuka akaun TH pada usia yang muda secara tidak langsung mendidik murid menabung, di samping akaun yang mereka buka ini boleh digunakan untuk tabungan menunaikan haji apabila mereka dewasa kelak,” katanya.



Sebahagian daripada murid sewaktu sesi latihan.

**SYARIKAT, PERTUBUHAN
ATAU INDIVIDU
YANG INGIN MENAJA
KLINIK UPSR
BH DIDIK BOLEH
MENGHUBUNGI
03-2056 9780
(MOHD FERAZ ABU BAKAR).**

Headline	Petua daripada guru pakar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	638 cm ²
Journalist	Diyannah Anuar	AdValue	RM 21,908
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,724



Peserta bergambar selepas menyertai seminar bimbingan peperiksaan tajaan Tabung Haji dengan kerjasama akhbar BH di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Lailatul Shahreen.

[FOTO AMRAN HAMID / BH]